

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 12, 2018 1:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEML UUM Perkasakan Bidang Pendidikan



12 JULAI 2018 / 28 SYAWAL 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

SEML UUM PERKASAKAN BIDANG PENDIDIKAN



UUM ONLINE: UUM telah menawarkan program lepasan ijazah untuk memperkasakan bidang pendidikan serta yang memberi peluang kepada guru-guru yang sedang bertugas bagi meningkatkan tahap profesional mereka.

Menerusi Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), UUM College of Arts and Sciences giat memperkasakan bidang Pendidikan dengan membangunkan modal insan yang berwibawa.

Menurut Dekan SEML, Prof. Madya Dr. Yahya Don, pendidikan memainkan peranan penting dalam transformasi masyarakat ke arah membangunkan insan.

“Untuk mencapai objektif ini, SEML menyediakan pelbagai kemudahan, kepakaran dan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif di samping menyuburkan budaya penyelidikan.

“Usaha ini digemblengkan supaya para pendidik memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan untuk menjadi pemimpin dalam pengajaran dan pentadbiran, mengubah suai

persekitaran pembelajaran bilik darjah mereka sebagai persediaan menghadapi cabaran abad ke-21," ujarnya.

SEML menawarkan program ijazah sarjana, iaitu Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan), Sarjana Sains (Kepengetuaan) dan Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran, Teknologi Pengajaran, Psikologi Pendidikan, Pendidikan Islam, Pengajaran Bahasa Inggeris dan Pendidikan Nilai dan Moral) secara mod kerja kursus, mod kerja kursus dan disertasi dan mod penyelidikan sepenuhnya.

Program ijazah kedoktoran ditawarkan dalam pelbagai pengkhususan antaranya ialah Curriculum and Instruction, Educational Psychology, Instructional Technology, Multimedia in Education, English Language Teaching, Islamic Education, Values Education, Moral Education, History Education, Mathematics in Education, Educational Management, Policy and Legal Aspects, Pedagogy, Leadership in Education dan Human Resource Development in Education.

Selain pengajian di kampus Sintok, SEML turut menawarkan pengajian di luar kampus seperti di Kota Bharu, Kelantan; Kuala Terengganu, Terengganu dan Baling, Kedah.

"Program lepasan ijazah ini memberi peluang kepada guru dalam perkhidmatan untuk menaik taraf profesionalisme mereka dengan meneruskan pembelajaran berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat menerusi program sarjana yang ditawarkan oleh SEML," tambahnya.

Sebahagian graduan lepasan SEML telah menjawat jawatan sebagai guru di sekolah swasta, kolej komuniti, politeknik dan pelbagai institusi pendidikan.

SEML optimis untuk menjadi agen perubahan dengan mempunyai bilangan ahli akademik yang proaktif dalam penyelidikan, penerbitan, dan inovasi serta projek perundingan demi meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

Justeru, SEML mengalu-alukan pelajar yang berminat dalam bidang pendidikan dan ingin mendapatkan maklumat lanjut bolehlah melayari laman web seml.uum.edu.my atau di talian 04-928 5386/87/93.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.